

KEMAMPAAN KEWANGAN UNIVERSITI



PADA 21 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah membentangkan Bajet 2017 di Parlimen dan antara menarik perhatian adalah tentang peruntukan bajet bagi sektor pendidikan tinggi negara khususnya melibatkan universiti awam.


Izinkan penulis menjelaskan perkara sebenar dengan berkongsi rasional di sebalik pengurangan bajet itu sekali gus menerangkan bagaimana langkah itu adalah sebahagian daripada perancangan kerajaan ke arah kemampuan kewangan bagi sistem pendidikan tinggi negara kita.

Terdapat beberapa perkara yang perlu difahami secara mendalam, pertamanya berkaitan peruntukan. Dengan mengambil kira kedua-dua perbelanjaan mengurus (OE) dan perbelanjaan pembangunan (DE), belanjawan keseluruhan Kementerian Pendidikan Tinggi menyaksikan berlakunya pengurangan 9.3 peratus. Bajet pada 2016 adalah RM13.378 bilion manakala bagi 2017 adalah RM12.123 bilion, pengurangan sebanyak RM1.245 bilion.

Apabila kita melihat kepada peruntukan untuk universiti awam pula, di media sosial banyak pihak menyatakan berlaku pengurangan sebanyak 19.23 peratus. Namun, keadaan itu hanyalah merujuk kepada peruntukan perbelanjaan mengurus yang mana berlakunya pengurangan sebanyak RM1.456 bilion (19.23 peratus) untuk Bajet 2017.

Jika dilihat peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk universiti awam pula sebenarnya terdapat peningkatan iaitu sebanyak RM1.034 bilion atau (153.97 peratus) pada bajet kali ini berbanding Bajet 2016.

Sehubungan itu, kedua-dua perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan mesti dilihat secara kolektif. Pengurangan bajet universiti awam sebenarnya hanya



PENGURANGAN peruntukan bajet bermakna universiti awam perlu mengoptimumkan perbelanjaan.—GAMBAR HIASAN/UTUSAN

5.3 peratus dan bukan 19.23 peratus dan jumlah itu selaras dengan perancangan kerajaan.

Hal ini kerana untuk bajet kali ini sebahagian daripada peruntukan Inisiatif Pembayaran Swasta (PFI) yang dahulunya diletakkan di bawah perbelanjaan mengurus telah diletakkan di bawah perbelanjaan pembangunan untuk lebih mencerminkan sifat perbelanjaan tersebut.

Perbelanjaan pembangunan juga menuju ke arah keupayaan universiti awam untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan program-program yang membawa kepada penjanaan pendapatan dan aktiviti ekonomi.

Harapan kerajaan dan kementerian, dengan meningkatkan perbelanjaan pembangunan akan dapat meningkatkan lagi pendapatan dan akhirnya digunakan untuk meningkatkan perbelanjaan mengurus universiti awam.

Perkara kedua yang ingin penulis jelaskan ialah pengurangan dalam peruntukan bajet ini selaras dengan pelan strategik kementerian iaitu Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan pada 2004 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT).

Lonjakan 5 PPPM(PT) adalah berkaitan kemampuan kewangan dan menyatakan bahawa institusi pendidikan tinggi di Malaysia perlu mencari sumber pendapatan alternatif untuk menjadi lebih fleksibel, berdaya tahan dan mampan dari segi

kewangan serta membolehkan mereka meningkatkan kerjasama dengan industri untuk manfaat bersama.

Merujuk kepada PPPM(PT), universiti awam sebenarnya telah sedia maklum untuk menyasarkan penjanaan pendapatan sendiri sehingga 30 peratus. Pelan yang dirancang sebelum ini tidak lain tidak bukan adalah untuk mencapai kemampuan kewangan memandangkan pihak kerajaan pada masa kini menyediakan antara 80 peratus hingga 95 peratus dana kepada universiti awam.

Berbanding dengan institusi di luar negara, sebagai contoh Thammasat University of Thailand, mereka bergantung hanya kira-kira 30 peratus daripada dana kerajaan, Imperial College London kira-kira 40 peratus, manakala purata antarabangsa lebih hampir pada 50 peratus.

Langkah ke arah kemampuan kewangan telah bermula secara beransur-ansur sejak sedekad yang lalu. Penulis bangga untuk memaklumkan bahawa universiti awam kita telah berjaya menjana pendapatan sendiri dalam tempoh beberapa tahun yang lalu.

Sebagai contoh, dalam tempoh Januari hingga September 2016, semua 20 universiti awam kita telah dapat meningkatkan pendapatan mereka masing-masing. Misalnya, Universiti Penyelidikan (RU), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah dapat menjana lebih daripada 21 peratus daripada pendapatan

sendiri, Universiti Putra Malaysia (UPM) 22 peratus dan Universiti Sains Malaysia (USM) 16 peratus.

Bukan universiti penyelidikan pula, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mencatatkan 29 peratus, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) 23 peratus dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 26 peratus.

Satu lagi kategori iaitu bukan universiti penyelidikan berumur di bawah 10 tahun antaranya Universiti Malaysia Kelantan (UMK) turut menunjukkan perolehan pendapatan antara yang cukup membanggakan iaitu sebanyak 37 peratus diikuti Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) sebanyak 26 peratus dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebanyak 16 peratus.

Penulis percaya universiti kita akan dapat menjana lebih banyak pendapatan sendiri sebelum berakhirnya tahun 2016.

Seterusnya perkara ketiga, penulis mahu menjelaskan bahawa bidang pendidikan tinggi akan sentiasa menjadi keutamaan kerajaan bagi pembangunan negara antaranya terus menyediakan dana untuk Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Sokongan yang berterusan ini juga akan diberikan kepada pelajar dalam bentuk biasiswa dan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Sememangnya pengurangan peruntukan bajet bermakna kita perlu mengoptimumkan perbelanjaan. Namun itu tidak seharusnya dijadikan alasan yang boleh menyebabkan kualiti dan komitmen kita berkaitan penyelidikan, pengajaran dan pelajar-pelajar merosot.

Apa pun penulis percaya bahawa universiti awam kita bukan sahaja telah bersedia malah langkah pengurangan bajet itu akan menjadi pendorong kepada mereka untuk menjana lebih lagi pendapatan dan seterusnya meningkatkan kecekapan perbelanjaan di universiti masing-masing.

DATUK SERI IDRIS JUSOH ialah Menteri Pendidikan Tinggi